

03/06/2003

Rakyat wajar jayakan Ambang Merdeka

KUALA LUMPUR: Kerajaan meminta orang ramai dan sektor swasta mengambil bahagian dalam perayaan Ambang Merdeka sempena sambutan Hari Kebangsaan untuk menjadikan sambutan itu pesta terbesar di negara ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata misi kerajaan ialah untuk memupuk dan meningkatkan semangat cintakan negara serta menghayati erti sebenar kemerdekaan di samping membangkitkan kesyukuran setiap rakyat.

"Perayaan Ambang Merdeka diharap dapat membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang agak lembap. Ia perlu diadakan di setiap ibu negeri, pusat pentadbiran daerah, pusat tumpuan rakyat dan pelancong, pintu masuk utama udara negara, kilang utama, kawasan rehat di sepanjang lebuh raya, sekolah dan institusi pengajian tinggi.

"Fokus perayaan Ambang Merdeka 2003 akan diberikan terhadap sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada negara sejak 21 tahun lalu kerana tahun ini adalah kali terakhir Dr Mahathir meraikan sambutan Hari Kemerdekaan sebagai Perdana Menteri," katanya pada taklimat penyelarasan perayaan itu, di sini semalam.

Untuk tahun ini, majlis pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kempen Mengibarkan Jalur Gemilang akan diadakan di Bandar Hilir Melaka pada 17 Ogos, manakala penutup diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 16 September.

Perayaan Ambang Merdeka 2003 akan diadakan di Dataran Merdeka, di ibu negara pada 30 Ogos, manakala perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos di Putrajaya.